



**PEJABAT PELAJARAN DAERAH JASIN,
77000 JASIN, MELAKA**

Pejabat Am : 06-5292878 / 06-5292664 / 06-5296901
Faksimili : 06-5291037 (PENTADBIRAN)
: 06-5293932 (KEWANGAN)
E-mail : ppdjasin@ppdjasin.edu.my
Laman Web : http://www.ppdjasin.edu.my



“PPD JASIN MENJANA TRANSFORMASI KECEMERLANGAN”

Rujukan kami: PPDJ.UPA.700-2/22 ()

Tarikh: 20 Oktober 2011

Guru Besar,
SK/ SJKC/ SJKT/ SRA Daerah Jasin

Tuan,

**SOALAN PASCAUJIAN PROTIM BAGI KEMAHIRAN MEMBACA DAN MENULIS
MURID-MURID TAHUN 4,5 DAN 6 TAHUN 2011**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan tarikh pelaksanaan Pascaujian PROTIM Tahun 4,5 dan 6 tahun 2011 akan dijalankan pada 31 Oktober hingga 4 November 2011. Ujian ini wajib dijalankan ke atas murid-murid Tahun 4,5 dan 6 yang telah mengikuti kelas PROTIM selepas gagal dalam saringan praujian PROTIM pada awal tahun dan selepas UPSR.

3. Sehubungan ini, pihak sekolah diminta menghantar wakil untuk mengambil soalan-soalan tersebut dari PPD Jasin untuk diperbanyakkan mengikut jumlah murid PROTIM Tahun 4, 5, dan 6 di sekolah masing-masing. Senarai semak bahan yang perlu diambil adalah seperti di bawah:

- 3.1 Soalan Pascaujian Kemahiran Membaca Tahun 4, 5 dan 6
- 3.2 Soalan Pascaujian Kemahiran Menulis Tahun 4, 5 dan 6
- 3.3 Skema Jawapan Pascaujian Tahun 4,5 dan 6 / 2011
- 3.4 Maklumat Sekolah: Borang 1, Borang 2 dan Borang 3
- 3.5 Analisis Pencapaian Individu (Borang API) Penguasaan Kemahiran Membaca
- 3.6 Analisis Pencapaian Individu (Borang API) Penguasaan Kemahiran Menulis
- 3.7 Panduan Pelaksanaan
- 3.8 Carta Alir Pengumpulan Markah (PROTIM)

4. Semua bahan ini telah siap dicetak di PPD Jasin. Sila hantar wakil untuk mengambil bahan-bahan tersebut secepat mungkin di dalam “pigeon hole” sekolah masing-masing.

5. Sukacita diingatkan agar tuan dapat membuat salinan yang mencukupi sebelum mengisi borang analisis bagi PROTIM Tahun 4, 5 dan 6. Borang yang lengkap hendaklah dikembalikan ke PPD Jasin (u.p. Cik Hjh Noora bt Abu Bakar) sebelum **7 November 2011**. Markah lulus bagi Kemahiran Membaca dan Menulis PROTIM Tahun 4, 5 dan 6 adalah 80 ke atas.

Kerjasama tuan dalam hal ini amat dihargai dan saya dahului dengan ucapan setinggi-tinggi terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD KAMAL BIN RAMTAN)

Timbalan Pegawai Pelajaran Daerah Jasin

s.k. Unit Bahasa JPM
Fail PPD

(Sila catatkan Pejabat ini bila berhubung)